

## SEKSYEN 3

# Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

### **19 PERSPEKTIF KESELURUHAN**

---

### **19 PRESTASI 2022**

---

### **22 KUMPULAN WANG COVID-19**

---

### **24 TINJAUAN 2023**

Rencana - Peningkatan Perbelanjaan  
Awam: Keperluan Semakan Semula dan  
Pengeoptimuman

---

### **33 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PERSEKUTUAN**

---

### **34 KESIMPULAN**

---



## SEKSYEN 3

# Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

## Perspektif Keseluruhan

Tahun 2022 menyaksikan pandemik COVID-19 yang semakin reda dengan kebanyakan negara beralih kepada fasa endemik selaras dengan aktiviti ekonomi dan sosial yang kembali normal. Keadaan ini memberi sedikit kelegaan kepada kebanyakan negara yang membolehkan kerajaan membina semula kekuatan fiskal. Walau bagaimanapun, peningkatan harga komoditi global dan tekanan inflasi baru-baru ini akibat ketegangan geopolitik menyebabkan kebanyakan negara meningkatkan perbelanjaan bagi menyediakan langkah sokongan dasar. Ruang fiskal yang semakin mengecil ini memberi cabaran kepada kerajaan dalam menguruskan perbelanjaan serta melindungi kesejahteraan penduduk dan memastikan kelangsungan perniagaan.

Malaysia sebagai ekonomi terbuka tidak terkecuali daripada menerima impak akibat kejutan luaran walaupun pada tahap yang lebih rendah memandangkan Malaysia merupakan negara pengeksporth komoditi. Harga komoditi lebih tinggi telah memberikan pendapatan tambahan yang bertindak sebagai penampungan semula jadi terhadap kenaikan perbelanjaan terutamanya subsidi dan bantuan sosial. Pelaksanaan subsidi kepenggunaan ke atas barangan keperluan asas berjaya membendung inflasi pada 3.1% bagi lapan bulan pertama 2022 berbanding sekitar 11% jika subsidi tersebut tidak disediakan. Walaupun subsidi tersebut yang bersifat pukal membantu pemulihan ekonomi dalam jangka masa sederhana, namun tidak mampan dalam jangka masa panjang.

Berdasarkan keadaan ini, Kerajaan akan meneruskan dasar fiskal mengembang di samping melaksanakan pembaharuan perbelanjaan awam secara berperingkat termasuk beralih kepada mekanisme subsidi lebih bersasar. Pada

tahun ini, Kerajaan melaksanakan langkah penjimatan perbelanjaan termasuk mengurangkan perbelanjaan tidak kritikal. Di samping itu, perbelanjaan awam akan disemak semula secara berterusan bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan produktiviti perbelanjaan awam. Semakan ini juga akan mengoptimumkan sumber kewangan serta mengurangkan pembaziran dan ketirisan seterusnya menyumbang kepada konsolidasi dan kemampuan fiskal dalam jangka masa panjang.

## Prestasi 2022

Bajet 2022 berjumlah RM322.1 bilion telah dirangka dengan mengambil kira prospek ekonomi yang bertambah baik serta normalisasi aktiviti sosial dan perniagaan. Daripada keseluruhan Bajet, perbelanjaan mengurus (OE) adalah sebanyak RM233.5 bilion, perbelanjaan pembangunan (DE) RM75.6 bilion dan Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19) sebanyak RM23 bilion. Peruntukan tersebut adalah berdasarkan jangkaan momentum pemulihan ekonomi sejajar dengan kelancaran pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Walaupun bagaimanapun, ketegangan geopolitik terutamanya konflik Rusia-Ukraine telah mengakibatkan peningkatan ketara harga komoditi global. Harga minyak mentah Brent melonjak daripada purata USD71 setong pada 2021 kepada lebih USD100 setong pada separuh pertama 2022 dan mencatat harga harian tertinggi sebanyak USD134 setong dalam bulan Mac 2022. Harga minyak sawit mentah (CPO) juga melonjak daripada purata RM4,400 setan pada 2021 ke paras harga harian tertinggi sebanyak RM8,077 setan dalam bulan Mac 2022. Sementara itu, harga arang batu meningkat daripada purata sekitar USD80 setan pada 2021 kepada lebih USD400 setan pada Mei 2022.

Peningkatan harga komoditi memerlukan Kerajaan untuk menyediakan peruntukan subsidi tambahan bagi membendung inflasi dan mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup. Sehubungan itu, anggaran jumlah perbelanjaan disemak semula kepada RM385.3 bilion pada 2022 dengan OE meningkat kepada RM284.7 bilion dan KWC-19 kepada RM28.8 bilion manakala DE berkurang kepada RM71.8 bilion. Sektor sosial terus menerima peruntukan terbesar sebanyak 36.8% daripada jumlah perbelanjaan atau 8.3% daripada KDNK diikuti sektor ekonomi (17.1%; 3.8% daripada KDNK), keselamatan (8.8%; 2% daripada KDNK) dan pentadbiran am (4.3%; 1% daripada KDNK). Perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan termasuk bagi bayaran khidmat hutang (DSC), bayaran persaraan dan pemberian kepada kerajaan negeri menyumbang 33% daripada jumlah perbelanjaan.

Peruntukan **OE** disemak semula kepada RM284.7 bilion (2021: RM231.5 bilion) berkembang 23% atau 16.6% daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh peningkatan ketara subsidi bahan api dan minyak masak. Perbelanjaan emolumen yang merangkumi 30.4% daripada jumlah OE dianggarkan sebanyak RM86.5 bilion (2021: RM85.9 bilion)

berikutan kenaikan gaji tahunan untuk hampir 1.6 juta penjawat awam. Bayaran persaraan yang merangkumi 10.1% daripada jumlah OE diunjur kekal stabil pada RM28.7 bilion (2021: RM29.1 bilion) bagi menampung lebih 921,500 pesara dan penerima manfaat persaraan. Selari dengan tahap hutang yang lebih tinggi, DSC dijangka berkembang sebanyak 13.2% kepada RM43.1 bilion (2021: RM38.1 bilion).

Perbelanjaan OE bagi subsidi dan bantuan sosial dianggar meningkat sebanyak 155.6% kepada RM58.9 bilion (2021: RM23 bilion) terutamanya disebabkan oleh peningkatan ketara harga minyak mentah global berikutan penetapan harga runcit bagi produk petroleum RON95 pada RM2.05 seliter dan diesel pada RM2.15 seliter. Kerajaan menyediakan subsidi minyak masak botol sejak Ogos 2021 sehingga Jun 2022 serta subsidi ayam dan telur sejak awal 2022 bagi meringankan beban rakyat menangani peningkatan kos sara hidup. Peruntukan yang besar untuk subsidi dan bantuan sosial telah memberi impak kepada perbelanjaan awam seterusnya mendesak Kerajaan melaksanakan langkah penjimatan perbelanjaan. Sehubungan itu,

**JADUAL 3.1.** Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Komponen, 2021 – 2023

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2021	2022 <sup>1</sup>	2023 <sup>2</sup>	2021	2022 <sup>1</sup>	2023 <sup>2</sup>	2021	2022 <sup>1</sup>	2023 <sup>2</sup>
Emolumen	85,854	86,510	90,765	3.4	0.8	4.9	37.1	30.4	33.3
Bayaran persaraan	29,095	28,674	29,079	5.7	-1.4	1.4	12.6	10.1	10.7
Bayaran khidmat hutang	38,069	43,100	46,100	10.4	13.2	7.0	16.4	15.1	16.9
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	7,547	8,025	8,077	-1.6	6.3	0.6	3.3	2.8	3.0
Perkhidmatan dan bekalan	24,924	33,296	32,035	-15.0	33.6	-3.8	10.8	11.7	11.8
Subsidi dan bantuan sosial	23,041	58,900	42,016	16.6	155.6	-28.7	10.0	20.7	15.4
Pembelian aset	596	533	911	-5.7	-10.6	71.1	0.3	0.2	0.3
Bayaran balik dan hapus kira	482	375	459	-26.3	-22.2	22.4	0.2	0.1	0.2
Pemberian kepada badan berkanun	13,391	13,483	15,117	27.2	0.7	12.1	5.8	4.7	5.6
Lain-lain	8,517	11,804	7,781	-22.6	38.6	-34.1	3.5	4.2	2.8
<b>Jumlah</b>	<b>231,516</b>	<b>284,700</b>	<b>272,340</b>	<b>3.1</b>	<b>23.0</b>	<b>-4.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Bahagian kepada KDNK (%)</b>	<b>15.0</b>	<b>16.6</b>	<b>15.0</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak

<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

pekeling berkaitan Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam diterbitkan pada Julai 2022 dengan hasil penjimatan tersebut digunakan bagi membantu menampung sebahagian perbelanjaan tambahan berkaitan subsidi.

Perbelanjaan bagi perkhidmatan dan bekalan dijangka meningkat kepada RM33.3 bilion (2021: RM24.9 bilion). Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan lebih tinggi untuk penyenggaraan dan pembaikan, perolehan bekalan perubatan serta bayaran perkhidmatan profesional khususnya bagi pekerja kontrak. Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan telah kembali pada paras prapandemik selaras dengan pelonggaran langkah pembendungan dan pengoperasian semula secara fizikal di pejabat Kerajaan.

Pemberian kepada badan berkanun yang sebahagian besar adalah untuk emolument serta perkhidmatan dan bekalan dianggar kekal stabil pada RM13.5 bilion (2021: RM13.4 bilion). Sementara itu, pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri dijangka berjumlah RM8 bilion (2021: RM7.5 bilion) dengan RM6 bilion adalah yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan **DE** pada 2022 disamak lebih rendah kepada RM71.8 bilion daripada anggaran asal RM75.6 bilion disebabkan oleh penyelarasan semula perbelanjaan serta kemajuan program dan projek DE yang sederhana berikutan kajian semula kos susulan peningkatan harga bahan mentah. Selain peruntukan bagi program dan projek yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia lima tahun, DE turut merangkumi obligasi kewangan berkaitan projek strategik dan komitmen kerjasama awam swasta (PPP) atau Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Sektor ekonomi kekal sebagai penerima terbesar sebanyak 52.1% diikuti oleh sektor sosial (30.9%), keselamatan (12.2%) dan pentadbiran am (4.8%). Perbelanjaan untuk sektor ekonomi dianggar sebanyak RM37.4 bilion (2021: RM31.3 bilion) terutamanya untuk menaik taraf infrastruktur pengangkutan awam, menambah baik kemudahan awam dan pertanian serta mempergiat aktiviti perdagangan dan perindustrian. Subsektor pengangkutan; tenaga dan kemudahan awam; serta pertanian merangkumi 27.2% daripada

keseluruhan DE. Subsektor pengangkutan diperuntukkan RM14.1 bilion (2021: RM13 bilion) terutamanya bagi membiayai pembangunan infrastruktur seperti Rangkaian Sistem Transit Rapid; membina dan menaik taraf Jalan Lingkar Pulau Indah Fasa 3; serta menaik taraf dan memperbesar Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Kelantan. Selain itu, peruntukan turut disediakan untuk obligasi kewangan susulan pelaksanaan projek strategik seperti Transit Aliran Ringan Laluan 3 dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Pulau Pinang.

Subsektor tenaga dan kemudahan awam diperuntukkan sebanyak RM2.6 bilion (2021: RM2.1 bilion) antaranya bagi membiayai pembinaan dan menaik taraf loji rawatan kumbahan dan paip pembedahan di Kinta Barat, Perak dan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang; membina loji rawatan air di Sik, Kedah dan Keningau, Sabah; Program Air Tidak Berhasil (NRW) Nasional serta projek bekalan air dan elektrik luar bandar di seluruh negara. Sementara itu, subsektor pertanian diperuntukkan sebanyak RM2.8 bilion (2021: RM2.5 bilion) terutamanya untuk dana endowmen penanaman semula kelapa sawit dan Program Pembangunan Peneroka di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) serta menambah baik penanaman padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Perbelanjaan sektor sosial dijangka berkurang sebanyak 1.9% kepada RM22.2 bilion pada 2022 (2021: RM22.6 bilion) dengan subsektor pendidikan dan latihan serta kesihatan terus menerima peruntukan tertinggi. Sejumlah RM11.7 bilion akan disalurkan kepada subsektor pendidikan dan latihan khususnya untuk membina, menaik taraf dan mengubahsuai sekolah dan institusi pengajian tinggi, meningkatkan program latihan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) serta menyediakan program profesional dan kemahiran. Sementara itu, perbelanjaan subsektor kesihatan dijangka berkurang kepada RM4.5 bilion (2021: RM8.7 bilion) berikutan perbelanjaan bekalan ubat untuk kemudahan kesihatan telah diklasifikasikan semula di bawah OE. Perbelanjaan utama subsektor ini adalah bagi membina, menaik taraf, mengubah suai dan membaiki fasiliti kesihatan di seluruh Malaysia.

**JADUAL 3.2.** Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor, 2021 – 2023

SEKTOR	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2021	2022 <sup>1</sup>	2023 <sup>2</sup>	2021	2022 <sup>1</sup>	2023 <sup>2</sup>	2021	2022 <sup>1</sup>	2023 <sup>2</sup>
<b>Ekonomi</b>	<b>31,284</b>	<b>37,431</b>	<b>54,051</b>	<b>9.0</b>	<b>19.6</b>	<b>44.4</b>	<b>48.7</b>	<b>52.1</b>	<b>56.9</b>
<i>antaranya:</i>									
Pengangkutan	12,988	14,110	16,460	1.6	8.6	16.7	20.2	19.7	17.3
Perdagangan dan perindustrian	1,756	2,084	2,682	-31.8	18.7	28.7	2.7	2.9	2.8
Tenaga dan kemudahan awam	2,115	2,557	3,251	-8.6	20.9	27.2	3.3	3.6	3.4
Pertanian	2,463	2,789	3,095	23.0	13.2	11.0	3.8	3.9	3.3
Alam sekitar	1,310	2,059	2,333	-1.1	57.2	13.3	2.0	2.9	2.5
<b>Sosial</b>	<b>22,603</b>	<b>22,167</b>	<b>25,156</b>	<b>63.5</b>	<b>-1.9</b>	<b>13.5</b>	<b>35.2</b>	<b>30.9</b>	<b>26.5</b>
<i>antaranya:</i>									
Pendidikan dan latihan	8,230	11,708	12,788	22.2	42.3	9.2	12.8	16.3	13.5
Kesihatan	8,719	4,457	4,714	118.9	-48.9	5.8	13.6	6.2	5.0
Perumahan	1,360	1,660	2,053	34.0	22.1	23.6	2.1	2.3	2.2
<b>Keselamatan</b>	<b>7,498</b>	<b>8,752</b>	<b>10,831</b>	<b>29.6</b>	<b>16.7</b>	<b>23.8</b>	<b>11.7</b>	<b>12.2</b>	<b>11.4</b>
<b>Pentadbiran am</b>	<b>2,872</b>	<b>3,450</b>	<b>4,962</b>	<b>-5.4</b>	<b>20.1</b>	<b>43.8</b>	<b>4.4</b>	<b>4.8</b>	<b>5.2</b>
<b>Jumlah</b>	<b>64,257</b>	<b>71,800</b>	<b>95,000</b>	<b>25.1</b>	<b>11.7</b>	<b>32.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Bahagian kepada KDNK (%)</b>	<b>4.2</b>	<b>4.2</b>	<b>5.2</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Perbelanjaan sektor keselamatan dianggar meningkat sebanyak 16.7% kepada RM8.8 bilion (2021: RM7.5 bilion) terutamanya untuk perolehan dan penambahbaikan kelengkapan ketenteraan dan keselamatan dalam negeri serta pembinaan pejabat, kuarters dan kem yang sedang dilaksanakan. Selain itu, perbelanjaan sektor pentadbiran am dijangka meningkat sebanyak 20.1% kepada RM3.5 bilion (2021: RM2.9 bilion) yang sebahagian besar merangkumi pembangunan rangkaian sistem perhubungan serta menaik taraf dan membaik pulih kemudahan dan bangunan Kerajaan.

## Kumpulan Wang COVID-19

Peruntukan KWC-19 pada 2022 disemak semula daripada RM23 bilion kepada RM28.8 bilion bagi membiayai subsidi elektrik sebanyak RM5.8 bilion

susulan keputusan Kerajaan mengekalkan kadar Imbalance Cost Pass-Through (ICPT). Sehingga Ogos 2022, sejumlah RM10.2 bilion dibelanjakan terutamanya untuk Bantuan Keluarga Malaysia (BKM)<sup>1</sup> sebanyak RM3.7 bilion bagi meringankan beban rakyat. Program ini memanfaatkan 8.6 juta penerima daripada golongan berpendapatan rendah. Di samping itu, sejumlah RM1.9 bilion disalurkan untuk Program Subsidi Upah bagi menampung hampir 685,000 pekerja dan RM1.1 bilion untuk bantuan sokongan sosial kepada kumpulan mudah terjejas. Kerajaan turut menyalurkan RM1.1 bilion untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19 bagi menaik taraf peralatan dan menambah kapasiti katil di unit rawatan rapi hospital serta perolehan kit ujian, reagen, ubat dan pensanitasi. Secara keseluruhan, sebanyak RM86 bilion atau 78.2% daripada siling KWC-19 yang berjumlah RM110 bilion telah dibelanjakan sehingga Ogos 2022.

<sup>1</sup> Sebelum ini dikenali sebagai Bantuan Prihatin Nasional.

JADUAL 3.3. Peruntukan Kumpulan Wang COVID-19

Bil.	PROGRAM	RM JUTA	
		2022 <sup>1</sup>	2023 <sup>2</sup>
1	Program subsidi upah, insentif pengekalan pekerjaan dan pengambilan pekerja dan bantuan latihan	2,942	-
2	Bantuan Prihatin Nasional	8,350	-
3	Projek berskala kecil	2,203	-
4	Program kemahiran dan peningkatan kemahiran	600	-
5	Pembiayaan PKS PENJANA	2,000	-
6	Geran PRIHATIN PKS	-	-
7	Pinjaman mikro kredit di bawah Bank Simpanan Nasional and TEKUN Nasional	1,200	-
8	Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan COVID-19	2,000	-
9	Dana jaminan makanan	130	-
10	Elaun khas COVID-19 bagi barisan hadapan	-	-
11	Dana PENJANA Nasional	-	-
12	ePenjana	350	-
13	Diskaun bil elektrik	5,920	-
14	Tambahan RM100 untuk Bantuan Sara Hidup	-	-
15	Bantuan khas untuk pelajar institusi pengajian tinggi	-	-
16	Pembiayaan Mudah Bumiputera	-	-
17	Subsidi pengangkutan awam MY30	200	-
18	Bantuan khas untuk pemandu teksi, pemandu bas sekolah, pemandu bas pelancong, pemandu pelancong, pengayuh beca dan pemandu <i>e-hailing</i>	10	-
19	Sokongan bantuan sosial untuk kumpulan mudah terjejas	2,000	5,000
20	Geran automasi pintar	400	-
21	Pinjaman mudah di bawah MyCreative Venture	40	-
22	Perlindungan sosial dan latihan bagi pekerja ekonomi <i>gig</i>	50	-
23	Kempen e-Dagang bagi PKS dan perusahaan mikro	150	-
24	"Shop Malaysia Online" bagi perbelanjaan dalam talian	-	-
25	Sokongan penjagaan kesihatan PEKA B40	-	-
26	Geran bagi pusat penjagaan kanak-kanak dan tadika	10	-
27	Dana kandungan digital	100	-
28	Bantuan untuk pertubuhan bukan kerajaan	110	-
29	Pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan	25	-
30	Dana pemasaran dan promosi pendigitalan di bawah Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA)	10	-
31	Pusat Sehati PKS MyAssist	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>28,800</b>	<b>5,000</b>

<sup>1</sup> Anggaran disemak<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2023

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## Tinjauan 2023

Bajet 2023 dirangka dengan jangkaan persekitaran lebih mencabar berikutan prospek pertumbuhan global lebih perlahan dan ketegangan geopolitik yang berpanjangan. Kerajaan perlu mengimbangi antara memperkukuh pertumbuhan ekonomi dan melindungi kesejahteraan rakyat berikutan tekanan inflasi global yang berterusan dan ruang fiskal yang terhad. Peruntukan akan disalurkan ke arah memudah cara pemulihan pascapandemik untuk meningkat daya saing perniagaan dan memperkukuh daya tahan ekonomi negara. Pada masa yang sama, Kerajaan sedang melaksanakan Semakan Semula Perbelanjaan Awam (PER) dan inisiatif subsidi bersasar bagi tujuan konsolidasi fiskal. Langkah ini selaras dengan komitmen Kerajaan untuk memastikan fiskal berhemah dan berdisiplin bagi mengukuhkan kemampuan fiskal jangka masa panjang.

Kerajaan terus memberikan sokongan kukuh untuk pertumbuhan ekonomi dengan menyediakan peruntukan berjumlah RM372.3 bilion atau 20.5% daripada KDNK di bawah Bajet 2023. Daripada jumlah ini, RM272.3 bilion atau 73.1% disalurkan kepada OE manakala RM95 bilion atau 25.5% untuk DE. Baki RM5 bilion adalah untuk pembayaran tertunggak bagi komitmen KWC-19 yang dibuat pada 2022 sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 8(1), Akta 830<sup>2</sup>.

Dari segi peruntukan mengikut sektor, sebanyak 37.2% diperuntukkan untuk program dan projek di bawah sektor sosial diikuti oleh sektor ekonomi (19.5%), keselamatan (9.9%) dan pentadbiran am (5.5%). Baki belanjawan sebanyak 27.9% diperuntukkan untuk perbelanjaan dan bayaran pindahan. Tiga penerima utama Bajet 2023 ialah Kementerian Kewangan (RM72.2 bilion), Kementerian Pendidikan (RM55.6 bilion) dan Kementerian Kesihatan (RM36.1 bilion) yang merangkumi 44% daripada jumlah perbelanjaan.

Peruntukan **OE** dianggarkan sebanyak RM272.3 bilion atau 15% daripada KDNK pada 2023. Jumlah tersebut berkurang 4.3% berikutan peruntukan lebih rendah untuk subsidi dan bantuan sosial disebabkan oleh jangkaan

penurunan harga komoditi serta pelaksanaan mekanisme subsidi bersasar secara beransur-ansur. Walau bagaimanapun, peruntukan lebih tinggi disediakan untuk emolument, bayaran persaraan, DSC dan pemberian kepada badan berkanun.

Emolument penjawat awam kekal sebagai komponen terbesar merangkumi 33.3% daripada OE. Komponen ini dianggarkan meningkat sebanyak 4.9% kepada RM90.8 bilion terutamanya disebabkan oleh pemberian kenaikan gaji tahunan khas untuk penjawat awam dan penyerapan pegawai kontrak ke jawatan tetap terutamanya dalam perkhidmatan kesihatan dan pendidikan. Pengambilan tersebut memanfaatkan hampir 5,700 pegawai perubatan dan 18,100 guru.

Sementara itu, bayaran persaraan dianggarkan meningkat sebanyak 1.4% kepada RM29.1 bilion yang merangkumi 10.7% daripada jumlah OE. Sebanyak RM21.9 bilion atau 75.3% daripada bayaran persaraan merupakan bayaran pensen kepada lebih 958,700 pesara dan penerima manfaat persaraan manakala selebihnya adalah bayaran untuk gratuiti dan gantian cuti rehat terkumpul. Liabiliti pensen dijangka terus meningkat memandangkan Malaysia kini merupakan negara menua berdasarkan definisi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sehubungan itu, Kerajaan sedang meneroka alternatif untuk menangani obligasi pensen pada masa hadapan dengan lebih cekap.

Sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, DSC merupakan item bayaran yang mesti diutamakan berbanding perbelanjaan OE lain. Selari dengan keperluan pembiayaan lebih tinggi untuk DE dan KWC-19, DSC dianggarkan berkembang sebanyak 7% kepada RM46.1 bilion. Daripada jumlah tersebut, 98.4% diperuntukkan untuk pembayaran kupon bagi hutang dalam negeri terutamanya Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) manakala baki adalah untuk pinjaman luar pesisir. Nisbah DSC kepada hasil dianggarkan pada 16.9% berbanding 15% nilai ambang berdasarkan amalan terbaik antarabangsa.

Perkhidmatan dan bekalan yang merangkumi 11.8% daripada OE dijangka menyusut sebanyak 3.8% kepada RM32 bilion.

<sup>2</sup> Seksyen 8(1), Akta 830 menyatakan sebarang jumlah tertunggak yang perlu dibayar daripada Kumpulan Wang hendaklah dibayar dalam tempoh enam bulan daripada tarikh tamat tempoh pada 31 Disember 2022.



Pengurangan tersebut adalah berikutan inisiatif Kerajaan menyerap kakitangan kontrak ke dalam perkhidmatan mengakibatkan peralihan peruntukan daripada komponen perkhidmatan dan bekalan kepada emolumen. Kementerian Kesihatan akan memperoleh peruntukan terbesar bagi perkhidmatan dan bekalan (35%) terutamanya untuk perolehan bekalan perubatan, perkhidmatan profesional serta pembaikan dan penyenggaraan.

Subsidi dan bantuan sosial dijangka mencecah RM42 bilion terutamanya bagi subsidi bahan api dan pertanian; bantuan tunai dan kebajikan; pampasan tol; serta bantuan berkaitan pendidikan. Subsidi bahan api dianggap berkurangan dengan jangkaan harga minyak mentah global lebih rendah pada 2023 dengan purata USD90 setong serta sejajar dengan usaha peralihan ke arah subsidi bersasar secara beransur-ansur bagi memastikan kecekapan ekonomi dan pengagihan sumber yang lebih saksama. Sementara itu, Kerajaan akan terus menyediakan bantuan BKM bagi meringankan beban kewangan golongan berpendapatan rendah.

Peruntukan pemberian kepada badan berkanun dijangka meningkat 12.1% kepada RM15.1 bilion. Sebahagian besar peruntukan adalah untuk perbelanjaan operasi bagi 20 universiti awam dan sembilan hospital pengajar yang merangkumi 60.2% daripada pemberian tersebut. Kerajaan Persekutuan juga menyediakan pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri berjumlah RM8.1 bilion dengan RM6.1 bilion merupakan pemberian yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Momentum pelaksanaan program dan projek **DE** dijangka meningkat berikutan negara kini memasuki tahun ketiga Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Oleh itu, sejumlah RM95 bilion akan diperuntukkan pada 2023 terutamanya bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan pemulihan pasca COVID-19. Peruntukan akan disalurkan kepada program dan projek yang mempunyai impak sosioekonomi yang tinggi dan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Kerajaan juga akan terus menyediakan peruntukan untuk memenuhi komitmen PPP/PFI dan obligasi kewangan terutamanya bagi menebus bon 1MDB berjumlah USD3 bilion yang akan matang pada Mac 2023. Lebih 1,700 projek baharu telah diluluskan dengan

peruntukan berjumlah RM13.7 bilion sebagai tambahan kepada 5,900 projek sedia ada. Dari segi peruntukan mengikut sektor, sektor ekonomi kekal sebagai penerima terbesar DE pada 56.9% diikuti oleh sektor sosial (26.5%), keselamatan (11.4%) dan pentadbiran am (5.2%).

Sektor ekonomi akan diperuntukkan RM54.1 bilion selaras dengan usaha untuk meningkatkan aktiviti ekonomi. Subsektor utama di bawah sektor ekonomi ialah pengangkutan, pertanian serta tenaga dan kemudahan awam. Subsektor pengangkutan merupakan penerima terbesar iaitu 17.3% daripada jumlah DE atau RM16.5 bilion. Antara projek baharu yang akan dilaksanakan ialah pembinaan Lebuhraya Trans Borneo; Jalan Hubungan Sarawak Sabah Fasa 2; jalan pintasan Pengalat – Papar, Sabah; dan menaik taraf Lebuhraya Pasir Gudang.

Subsektor pertanian akan diperuntukkan RM3.1 bilion atau 3.3% daripada jumlah DE bagi menangani kebimbangan yang semakin meningkat berhubung sekuriti makanan negara. Program dan projek baharu di bawah subsektor ini termasuk penubuhan Dana Modenisasi Agromakanan, penanaman semula pokok kelapa sawit dan getah serta menaik taraf kemudahan dan infrastruktur pertanian. Peruntukan untuk subsektor tenaga dan kemudahan awam yang berjumlah RM3.3 bilion atau 3.4% daripada DE akan disalurkan untuk projek menambah baik kemudahan awam luar bandar di samping menyediakan bekalan air bersih, sanitasi serta tenaga mampu milik dan bersih. Antara projek baharu ialah pembinaan loji rawatan air Landeh, Sarawak; sistem solar hibrid di Beluran, Sabah; dan menaik taraf loji rawatan pemptungan wilayah di Pasir Gudang, Johor.

Sektor sosial merupakan penerima kedua terbesar dengan peruntukan berjumlah RM25.2 bilion atau 26.5% daripada keseluruhan DE. Subsektor pendidikan dan latihan diperuntukkan RM12.8 bilion bagi menyediakan kemudahan pendidikan lebih baik untuk rakyat terutamanya melalui pembinaan dan menaik taraf sekolah serta institusi pengajian tinggi dan latihan seperti SMK Nabalu, Sabah; SMK Denai Alam, Selangor; serta bangunan Kolej Matrikulasi Melaka. Subsektor kesihatan akan menerima RM4.7 bilion untuk menaik taraf dan membaiki kemudahan kesihatan serta projek baharu seperti pembinaan blok wanita dan kanak-

kanak di Hospital Melaka. Manakala subsektor perumahan menerima sebanyak RM2.1 bilion untuk menaik taraf dan membaiki rumah mampu milik serta membina projek baharu seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Arau, Perlis; Marang, Terengganu; dan Machang, Kelantan.

Sektor keselamatan yang terdiri daripada pertahanan dan keselamatan dalam negeri akan menerima RM10.8 bilion dengan RM6 bilion akan diperuntukkan kepada subsektor pertahanan manakala baki RM4.8 bilion adalah untuk subsektor keselamatan dalam negeri. Peruntukan ini bertujuan untuk menaik taraf peralatan ketenteraan dan keselamatan,

membangunkan perkhidmatan rangkaian bersepadu serta membina dan menaik taraf kem tentera, balai polis, penjara dan kuarters untuk anggota keselamatan.

Sektor pentadbiran am akan diperuntukkan RM5 bilion terutamanya untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam melalui penambahbaikan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pengubahsuaian dan penyenggaraan bangunan dan fasiliti Kerajaan. Projek di bawah sektor ini termasuk memperluas infrastruktur rangkaian MYGOVNET dan pembinaan bangunan baharu untuk Jabatan Pengangkutan Jalan di Kajang, Selangor.

## RENCANA

### Peningkatan Perbelanjaan Awam: Keperluan Semakan Semula dan Pengeoptimuman

#### Pengenalan

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan merupakan sebahagian daripada alat dasar fiskal selain daripada cukai dan hutang awam. Dua kategori utama perbelanjaan Kerajaan Persekutuan ialah perbelanjaan mengurus (OE) dan perbelanjaan pembangunan (DE). Gaji, pencen, pembelian perkhidmatan dan bekalan serta subsidi merupakan sebahagian daripada OE Kerajaan Persekutuan. Sementara itu, DE terdiri daripada pelaburan modal merangkumi projek fizikal seperti pembinaan sekolah, jalan raya, pejabat dan hospital serta program bukan fizikal seperti geran pembangunan modal insan.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan di Malaysia tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Di bawah perundangan tersebut, OE boleh dibiayai hanya melalui hasil manakala DE menggunakan hasil atau pinjaman.


Walau bagaimanapun, pengecualian khas telah diberikan semasa krisis COVID-19 bagi membenarkan langkah mitigasi fiskal termasuk perbelanjaan bersifat OE dibiayai menggunakan pinjaman melalui penggubalan Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 (Akta COVID-19) [Akta 830]. Akta ini membenarkan Kerajaan meningkatkan had statutori hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan yang ditetapkan di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]. Pinjaman tambahan ini disalurkan kepada kumpulan wang amanah khusus iaitu Kumpulan Wang COVID-19 yang ditubuhkan di bawah Akta COVID-19. Dana ini membantu Kerajaan menyediakan vaksin yang mencukupi untuk penduduk, memudah cara perniagaan, menggiatkan semula ekonomi serta meringankan beban rakyat.

Krisis COVID-19 yang berpanjangan dan pelaksanaan beberapa siri pakej rangsangan ekonomi telah menjejaskan kutipan hasil dan meningkatkan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dengan signifikan seterusnya mengehadkan ruang fiskal Kerajaan. Oleh itu, terdapat keperluan bagi Kerajaan untuk mengimbangi antara tanggungjawab memastikan kedudukan fiskal yang kukuh dan keperluan menambah baik kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu, perbelanjaan Kerajaan perlu disemak semula, khususnya dari segi keutamaan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan awam. Langkah ini selaras dengan usaha konsolidasi fiskal Kerajaan ke arah memperkukuh kewangan awam serta memastikan kemampunan kedudukan fiskal Kerajaan dalam jangka masa panjang.

**Analisis Trend OE dan DE**


Perbelanjaan Kerajaan meningkat secara purata tahunan sebanyak 7% daripada RM85 bilion pada 2000 kepada RM333 bilion pada 2021. Peningkatan tersebut terutamanya disebabkan oleh pertambahan ketara OE seperti dalam Rajah 1. Sementara itu, DE meningkat daripada RM27.9 bilion pada 2000 kepada RM64.3 bilion pada 2021 dengan purata pertumbuhan tahunan lebih perlahan pada kadar 3.9%.

**RAJAH 1. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2000 – 2021**



Komponen OE meningkat secara beransur-ansur dari 2000 hingga 2021 dengan emolumen merupakan komponen terbesar. Perbelanjaan emolumen bagi 2021 ialah 37.1%, diikuti oleh bayaran khidmat hutang (DSC) (16.4%), bayaran persaraan (12.6%), perkhidmatan dan bekalan (10.8%), subsidi dan bantuan sosial (10%), geran dan pindahan (9.1%) dan lain-lain komponen (4%) seperti dalam Rajah 2.


**RAJAH 2. Perbandingan Perbelanjaan Mengurus mengikut Komponen (% kepada jumlah), 2000 dan 2021**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Bayaran persaraan, emolumen dan DSC terus meningkat sejak 20 tahun lepas seperti dalam Rajah 3. Bayaran persaraan mencatat pertumbuhan tertinggi dengan purata 9% setahun daripada RM4.2 bilion pada 2000 kepada RM29.1 bilion pada 2021 seiring peningkatan jangka hayat. Sementara itu, emolumen meningkat 7.8% setahun berikutan kenaikan gaji tahunan manakala DSC meningkat 6.7% disebabkan oleh pinjaman yang lebih tinggi.


**RAJAH 3. Perbelanjaan Mengurus berdasarkan Komponen Utama, 2000 - 2021**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Pada awal 2000-an, sebahagian besar DE dibelanjakan bagi sektor sosial terutamanya untuk menyediakan kemudahan pendidikan dan latihan. Selaras dengan wawasan untuk menjadi negara maju, Kerajaan telah meningkatkan pelaburan secara berterusan mulai 2004 dalam sektor ekonomi terutamanya untuk projek infrastruktur dan pengangkutan seperti dalam Rajah 4. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan mendadak pada 2021 berbanding tahun sebelumnya dalam perbelanjaan sektor sosial sebanyak 63.5% terutamanya dalam subsektor kesihatan berikutan usaha Kerajaan memerangi pandemik COVID-19.

**RAJAH 4. Perbelanjaan Pembangunan berdasarkan Sektor, 2000 - 2021**



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

## Semakan Semula Perbelanjaan Awam

Semakan Semula Perbelanjaan Awam (PER) bertujuan menilai opsyen yang ada bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan awam. Selaras dengan saranan Bank Dunia (2011), semakan semula tersebut akan membantu Kerajaan mengurangkan pembaziran dan perbelanjaan yang tidak cekap secara beransur-ansur bagi menambah baik prestasi dan seterusnya memperkukuh penyampaian perkhidmatan. Dalam konteks konsolidasi fiskal, semakan semula ini akan menambah baik perkhidmatan awam melalui perbelanjaan yang lebih cekap dan pengagihan semula sumber daripada inisiatif berkeutamaan rendah kepada yang lebih strategik.


Jumlah OE dijangka semakin bertambah susulan peningkatan signifikan subsidi dan bantuan sosial berikutan lonjakan harga komoditi. Peningkatan perbelanjaan bagi komponen tersebut yang merupakan sebahagian daripada item tanggungan (*locked-in*) akan mengurangkan keupayaan Kerajaan dengan ketara untuk mewujudkan ruang fiskal. Sekiranya perbelanjaan tambahan diperlukan pada masa hadapan, ruang fiskal ini akan berfungsi sebagai penampungan untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi. Justeru, terdapat keperluan bagi Kerajaan melaksanakan PER. Komponen perbelanjaan yang perlu disemak semula termasuk program subsidi, pencen, pembiayaan kerjasama awam swasta (PPP) dan komitmen kewangan serta pindahan kepada badan berkanun.

### Subsidi dan bantuan sosial

Program subsidi, bantuan sosial dan insentif merupakan satu bentuk faedah yang diberikan kepada individu, perniagaan atau institusi oleh Kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan penerima dan dianggap bermanfaat untuk kepentingan awam<sup>1</sup>. Secara umumnya, program ini dikategorikan sebagai komponen subsidi dan bantuan sosial di bawah OE dan hanya boleh dibiayai oleh hasil Kerajaan seperti yang ditetapkan di bawah Akta 61.

Program subsidi dan bantuan sosial di Malaysia dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan dan mengurangkan beban rakyat terutamanya golongan rentan. Sejak 2000 sehingga 2021, Kerajaan membelanjakan lebih daripada RM485 bilion untuk program ini dengan purata RM22 bilion setiap tahun. Trend perbelanjaan bagi kategori subsidi dan bantuan sosial adalah seperti dalam Rajah 5. Pada 2021, komponen terbesar dalam subsidi dan bantuan sosial adalah bahan api pada 45% diikuti oleh pendidikan (12.5%), kebajikan (9.6%), pertanian (6.9%), pengangkutan (6.8%) dan barangan keperluan asas (4.4%).

RAJAH 5. Subsidi dan Bantuan Sosial, 2000 – 2020



Nota: Contoh subsidi adalah subsidi bahan api, elektrik dan input pertanian. Insentif termasuk insentif output nelayan dan pertanian. Antara contoh bantuan sosial adalah biasiswa pelajaran dan bantuan tunai.

<sup>1</sup> <https://www.investopedia.com/terms/s/subsidy.asp>

Perbelanjaan subsidi dan bantuan sosial telah melonjak sejak 2021 terutamanya bagi bahan api dan minyak masak berikutan harga komoditi yang lebih tinggi. Pada separuh pertama 2022, Malaysia mendapat manfaat daripada terimaan hasil berikutan harga minyak mentah yang tinggi melebihi USD100 setong. Walau bagaimanapun, perbelanjaan subsidi bahan api adalah lebih dua kali ganda berbanding hasil berkaitan petroleum tersebut. Pada masa yang sama, perbelanjaan untuk subsidi minyak masak melebihi terimaan hasil berikutan peningkatan harga minyak sawit mentah. Secara keseluruhannya, Kerajaan dijangka membelanjakan sekitar RM80 bilion untuk subsidi dan bantuan sosial iaitu lebih tinggi daripada peruntukan DE sebanyak RM76 bilion pada 2022.

Program subsidi dan bantuan sosial yang dilaksanakan secara berasingan oleh pelbagai kementerian dan agensi telah memberi cabaran dalam penyelarasan pelaksanaan program dengan lebih efisien. Ini menyebabkan pertindihan, ketidakcekapan dan ketidakberkesanan peruntukan dan penyaluran dana. Di samping itu, lonjakan perbelanjaan subsidi dan bantuan sosial pada masa kini memerlukan Kerajaan menyemak semula program tersebut dan melakukan konsolidasi untuk meningkatkan akauntabiliti perbelanjaan awam.

Program subsidi yang bersifat pukal dibimbangi boleh menyebabkan berlakunya ketirisan dan pembaziran sumber. Sebagai contoh, penyaluran subsidi pukal bahan api adalah tidak efisien dan berkos tinggi kerana turut dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi. Subsidi pukal menyebabkan penggunaan tenaga yang tidak efisien serta tidak mampan dari segi fiskal. Ini mendorong kepada herotan pasaran dan menjejaskan bekalan tenaga bagi memenuhi permintaan susulan pertumbuhan penduduk dan ekonomi yang semakin berkembang (ADB, 2016).

Oleh itu, pelaksanaan subsidi bersasar terutamanya bahan api dan elektrik akan mengoptimalkan sumber kewangan Kerajaan kerana penjimatan yang diperoleh dapat diagihkan semula untuk keutamaan lain. Walau bagaimanapun, pelaksanaan subsidi bersasar perlu diselaraskan dengan efektif bagi mengurangkan sebarang impak ke atas ekonomi terutamanya inflasi. Justeru, Kerajaan sedang beralih ke arah pelaksanaan subsidi bersasar bagi memastikan sumber negara diagihkan secara saksama terutamanya kepada golongan yang lebih memerlukan bantuan Kerajaan.

### ***Pembaharuan pencen***

Sektor awam Malaysia pada masa ini mengguna pakai skim pencen<sup>2</sup> faedah tetap iaitu pesara berhak menikmati faedah persaraan merangkumi pencen, ganjaran, gantian cuti rehat dan faedah perubatan. Kerajaan bertanggungjawab memberi imbuhan<sup>3</sup> kepada anggota perkhidmatan awam seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Skim pencen ini ditadbir di bawah enam perundangan utama<sup>4</sup> meliputi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri; pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun; anggota pentadbiran dan setiausaha; badan kehakiman; serta ahli Parlimen.

Sejak sedekad lalu, perbelanjaan pencen telah meningkat lebih dua kali ganda daripada RM13.6 bilion pada 2011 kepada RM29.1 bilion pada 2021. Trend ini dijangka berterusan dan tanggungan perbelanjaan pencen akan menjadi tidak mampan memandangkan Malaysia kini merupakan negara menua berdasarkan definisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (DOSM, 2022). Peningkatan jangka hayat rakyat Malaysia akan menyebabkan liabiliti pencen iaitu pembayaran pencen dan pencen terbitan perlu dibayar untuk tempoh yang lebih lama seterusnya memerlukan peruntukan yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Bagi menangani peningkatan liabiliti pencen, pelbagai pembaharuan telah dilaksanakan ke atas skim pencen. Selaras dengan peningkatan jangka hayat, umur persaraan mandatori telah beberapa kali disemak semula iaitu daripada 55 tahun pada 1951 kepada 60 tahun pada 2012. Selain itu, Kumpulan Wang Amanah Pencen telah ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 [Akta 454] bagi menguruskan liabiliti pencen dengan dana permulaan sebanyak RM500 juta dan dijangka berkembang melalui pelaburan seperti ditetapkan di bawah Akta.

<sup>2</sup> Skim pencen faedah tetap menyediakan faedah pencen terakru berdasarkan satu atau lebih faktor seperti umur, tempoh perkhidmatan dan gaji akhir tanpa mengambil kira caruman atau pulangan ke atas pelaburan skim pencen tersebut (IMF, 2014).

<sup>3</sup> Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, imbuhan termasuk gaji atau upah, elaun, hak kepada pencen, perumahan percuma atau bersubsidi, pengangkutan percuma atau bersubsidi dan keistimewaan lain yang boleh dinilai dalam bentuk wang.

<sup>4</sup> Akta Pencen 1980 [Akta 227]; Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239]; Akta Penyelarasan Pencen 1980 [Akta 238]; Akta Kumpulan Wang Amanah Persaraan 2007 [Akta 662]; Akta Saraan Hakim 1971 [Akta 45]; dan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237].

Seterusnya, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662] yang menggantikan Akta 454 bagi meningkatkan tadbir urus dan mengoptimumkan pulangan dana. Melangkah ke hadapan, KWAP akan memperkukuh keupayaan untuk mengembangkan saiz dana serta meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pesara.

### *Perbelanjaan kerjasama awam swasta dan komitmen kewangan*

Projek PPP merupakan kerjasama antara sektor awam dan swasta di mana perniagaan *stand-alone* yang diwujudkan, dibiayai dan diuruskan oleh sektor swasta sebagai satu pakej yang merangkumi pengurusan pembinaan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset sektor awam meliputi bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan (UKAS, 2022). Sementara itu, Kerajaan pula bertindak terutamanya sebagai badan kawal selia projek. Terdapat dua jenis PPP di Malaysia iaitu Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Penswastaan seperti dalam Rajah 6.

**RAJAH 6.** Perbezaan Kaedah Konvensional, Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Penswastaan

PPP (Kerjasama Awam Swasta)		
Konvensional	Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	Penswastaan
Perolehan dibiayai terus daripada bajet Kerajaan	Pembiayaan daripada sumber kewangan pihak swasta tanpa jaminan Kerajaan	Pembiayaan daripada sumber kewangan pihak swasta tanpa jaminan Kerajaan
Impak secara langsung ke atas kedudukan kewangan sektor awam	Impak ke atas bajet awam diagihkan sepanjang konsesi	Model berasaskan bayaran oleh orang ramai, tiada implikasi kewangan Kerajaan. Manakala model berasaskan bayaran oleh Kerajaan, ada implikasi kewangan
Risiko ditanggung sepenuhnya oleh sektor awam	Pengagihan risiko kepada pihak yang dapat menguruskannya secara berkesan	Risiko ditanggung sepenuhnya oleh sektor swasta
Penglibatan meluas sektor awam pada setiap peringkat sepanjang jangka hayat projek	Pembabit sektor swasta melalui penguatkuasaan KPI yang telah dipersetujui	Kerajaan bertindak sebagai badan kawal selia
Kontrak jangka masa pendek dengan pihak swasta	Kontrak jangka masa panjang dengan pihak swasta sepanjang jangka hayat projek	Kontrak jangka masa panjang dengan pihak swasta sepanjang jangka hayat projek
Sesuai untuk projek yang mempunyai pulangan sosioekonomi yang tinggi dan pertimbangan strategik	Sesuai untuk projek yang mempunyai daya maju komersial	Sesuai untuk projek yang mempunyai daya maju komersial yang tinggi

Sumber: Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)

Kerjasama awam swasta bertujuan meringankan beban Kerajaan dalam menyediakan modal segera yang tinggi bagi projek pembangunan. Inisiatif ini juga membolehkan penambahbaikan kemudahan dan perkhidmatan awam memandangkan PPP menggalakkan inovasi sektor awam dan swasta melalui perkongsian kepakaran dan pengalaman dalam melaksanakan projek PPP. Sejak diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak 116 projek PPP telah dilaksanakan termasuk projek lebuhraya, bangunan kerajaan serta fasiliti pendidikan dan kesihatan. Walau bagaimanapun, komitmen konsesi PPP dan bayaran pajakan untuk sebahagian projek PPP telah membebankan kewangan Kerajaan.

Pelan Induk Penswastaaan 1991 yang berfungsi sebagai garis panduan pelaksanaan PPP sedang disemak semula bagi menjelaskan dan menambah baik proses yang terlibat serta memberi hala tuju ke arah pelaksanaan program dan projek yang lebih menyeluruh selaras dengan keutamaan negara. Rangka tindakan PPP baharu akan menumpukan kepada semakin menyeluruh rangka kerja dasar semasa seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Rangka tindakan baharu ini akan merangkumi aspek pelaksanaan projek dan pembiayaan model perniagaan bagi memastikan terma dan syarat yang lebih baik untuk sektor awam dan swasta. Rangka tindakan ini dijangka meningkatkan kemampuan kewangan dan daya maju komersial projek PPP pada masa hadapan serta mematuhi tadbir urus dan amalan terbaik antarabangsa.

### ***Geran kepada badan berkanun***

Mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240], badan berkanun ialah "mana-mana pertubuhan perbadanan tidak kira dengan nama apa ia dikenali yang diperbadankan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang Persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965".

Terdapat lebih daripada 130 badan berkanun di peringkat Persekutuan sehingga Julai 2022. Contoh badan berkanun ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Majlis Amanah Rakyat, institusi pengajian tinggi awam seperti Universiti Malaya, pihak berkuasa pembangunan wilayah seperti Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan pihak berkuasa pelabuhan seperti Lembaga Pelabuhan Klang. Manakala, badan berkanun yang ditubuhkan di bawah enakmen negeri ditadbir sepenuhnya oleh kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Perbadanan Johor.

Badan Berkanun Persekutuan dikawal selia oleh kementerian tertakluk kepada akta penubuhan bagi melaksanakan fungsi tertentu Kerajaan dalam pelbagai sektor. Sebahagian besar sumber kewangan bagi Badan Berkanun Persekutuan adalah daripada geran Kerajaan terutamanya bagi membiayai perbelanjaan operasi termasuk emolumen serta perkhidmatan dan bekalan. Jumlah geran yang disalurkan kepada Badan Berkanun Persekutuan telah meningkat daripada RM4 bilion pada 2000 kepada RM13.2 bilion pada 2021.

Laporan Ketua Audit Negara dan International Journal of Public Sector Performance Management mendedahkan beberapa isu melibatkan badan berkanun seperti pembaziran sumber serta pertindihan dan pengurusan projek yang lemah. RMKe-12 menggariskan keperluan mengkaji semula dasar dan proses dalam menguruskan badan berkanun bagi meminimumkan pendedahan Kerajaan kepada risiko dan meningkatkan ketelusan badan berkanun. Selain itu, badan berkanun digalakkan untuk meningkatkan ketelusan pelaporan selaras dengan amalan dan piawaian terbaik antarabangsa bagi mengurangkan ketirisan serta mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.

### **Kesimpulan**

Kerajaan komited untuk mengekalkan kedudukan fiskal yang mampan bagi pertumbuhan dan pembangunan negara di samping memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara. Justeru, Kerajaan akan mengkaji semula amalan perbelanjaan semasa termasuk program subsidi, pembaharuan pensen, perbelanjaan PPP dan komitmen kewangan serta geran kepada badan berkanun. Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan awam, mengurangkan ketirisan, menghapuskan pertindihan program dan projek serta menggalak dan mengguna pakai amalan terbaik dalam pengurusan perbelanjaan awam dan ketelusan dalam pelaporan kewangan.



**Rujukan:**

- Bank Dunia. (2011). *Transformasi Kerajaan untuk Mentransformasikan Malaysia: Dasar Perbelanjaan dan Pengukuhan Institusi dalam Konteks Pelarasan Fiskal - Semakan Semula Perbelanjaan Awam Malaysia*
- Bank Pembangunan Asia. (2016). *Subsidi Bahan Api Fosil di Asia: Trend, Kesan, dan Pembaharuan*. Dicapai daripada <https://www.adb.org/sites/default/files/publication/182255/fossil-fuel-subsidi-asia.pdf>
- Jabatan Audit Negara. (2021). *Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 1*. Dicapai daripada [www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia 2022*. Dicapai daripada [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)
- Unit Kerjasama Awam Swasta. (2022). *Kerjasama Awam Swasta (PPP)*. Dicapai daripada <https://www.ukas.gov.my/en/mypartnerships/ppp>
- Unit Perancang Ekonomi. (2021). *Rancangan Malaysia Kedua Belas*. Dicapai daripada <https://rmke12.epu.gov.my/bm>
- Shariman, J., Nawawi, A., Salin, S.A.P. (2018). *Issues and Concerns on Statutory Bodies and Federal Government - Evidence from Malaysian Auditor General's Report. International Journal of Public Sector Performance Management*. Dicapai daripada <https://www.researchgate.net/search?q=malaysian%20auditor%20report>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2014). *Balance of Payments Manual, Sixth Edition Compilation Guide*. Dicapai daripada <https://www.elibrary.imf.org/view/book/9781484312759/ch003.xml>

## Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan

Jumlah terkumpul Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan<sup>3</sup> yang telah diagihkan melalui Kumpulan Wang Pembangunan setakat 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM42 bilion atau 2.9% daripada KDNK. Peminjam terbesar adalah syarikat (RM25.8 bilion) diikuti oleh kerajaan negeri (RM11.2 bilion), badan berkanun (RM4.9 bilion), kerajaan tempatan (RM136 juta), lain-lain pertubuhan (RM97 juta) dan koperasi (RM6.8 juta).

Pengeluaran pinjaman pada 2022 dianggarkan berjumlah RM1.4 bilion dan merupakan kemudahan pinjaman bagi membiayai projek pelaburan jangka masa panjang khususnya untuk bekalan air, pementasan dan penanaman semula tanaman. Syarikat merupakan penerima pinjaman terbesar iaitu 50.9% daripada jumlah pengeluaran diikuti oleh kerajaan negeri (35.7%), badan berkanun (11.5%), kerajaan tempatan (1.1%) dan organisasi lain (0.8%).

Dari segi pembayaran balik pinjaman, Kerajaan dijangka menerima RM600 juta dengan RM213 juta atau 35.5% adalah daripada kerajaan negeri terutamanya dari Sabah dan Sarawak. Sementara

<sup>3</sup> Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan merupakan sebahagian daripada aset kewangan Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada kemudahan pinjaman kepada kerajaan negeri, kerajaan tempatan, badan berkanun, syarikat, koperasi dan pelbagai organisasi.

itu, sejumlah RM319.9 juta dianggarkan diterima daripada syarikat dengan RM221.5 juta adalah daripada Sabah Electricity Sdn. Bhd., Pengurusan Aset Air Berhad dan Bank Pertanian Malaysia. Baki selebihnya adalah daripada badan berkanun, kerajaan tempatan dan organisasi lain.


Pada 2023, Kerajaan Persekutuan akan terus menyediakan kemudahan pinjaman dalam menjayakan agenda pembangunan sosioekonomi. Anggaran jumlah pinjaman yang akan disalurkan ialah RM1.4 bilion dengan kerajaan negeri menerima bahagian tertinggi sebanyak RM793 juta diikuti syarikat (RM338 juta), badan berkanun (RM235 juta) dan organisasi lain (RM9.5 juta). Pinjaman ini akan digunakan terutamanya untuk menaik taraf infrastruktur air, bekalan elektrik dan pembedungan; pemulihan tanah; serta membiayai ladang tanaman. Sementara itu, bayaran balik pinjaman pada 2023 dianggar berjumlah RM700 juta dengan 46.8% adalah daripada kerajaan negeri diikuti oleh syarikat berkaitan kerajaan (40.7%), badan berkanun (10.8%), kerajaan tempatan (1%) dan organisasi lain (0.7%).

## Kesimpulan


---

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus memberi tumpuan untuk mengekalkan daya tahan ekonomi pascapandemik dalam persekitaran yang mencabar dan pertumbuhan ekonomi lebih perlahan. Kerajaan terus komited untuk menyokong kelancaran pelaksanaan RMKe-12 bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan dan pengagihan kekayaan yang saksama di samping memastikan kelestarian alam sekitar dan melindungi kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan meneruskan dasar fiskal mengembang di samping mengekalkan pengurusan kewangan awam yang berhemat dalam ketidaktentuan global yang meningkat. Sehubungan itu, usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan akan dipergiat. Pelaksanaan semakan perbelanjaan awam adalah tepat pada masanya memandangkan terdapat keperluan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti fiskal di samping memastikan nilai terbaik untuk wang dan kemampanan fiskal dapat dicapai.


**RAJAH 3.1. Jumlah Perbelanjaan mengikut Sektor**




**RAJAH 3.2. Jumlah Perbelanjaan mengikut Kementerian dan Agensi**




**RAJAH 3.3. Perbelanjaan Mengurus mengikut Komponen**




**RAJAH 3.4. Perbelanjaan Mengurus mengikut Sektor**



**RAJAH 3.5. Perbelanjaan Pembangunan mengikut Sektor**



**RAJAH 3.6. Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan mengikut Penghutang<sup>3</sup>**



<sup>1</sup>Anggaran disemak  
<sup>2</sup>Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Bajet 2023  
<sup>3</sup>Jumlah terkumpul sehingga akhir 2021  
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

